

21 NOV 1999

Mahathir-Pertandingan

PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU TIDAK BERI KESAN KEPADA BN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertandingan satu lawan satu di kebanyakan kawasan pada pilihan raya umum ke-10 tidak akan memberi kesan kepada peluang Barisan Nasional (BN).

Kemenangan BN selama ini bukannya disebabkan pertandingan satu lawan satu, tiga atau empat penjuru, katanya pada persidangan berita selepas menemui warga tentera di Kem Tok Jalai, Kepala Batas dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN berkata, BN menang kerana kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan kerajaan BN memerintah dan membawa pembangunan serta kemajuan kepada negara.

Beliau diminta mengulas mengenai pertandingan satu lawan satu di 152 kawasan Parlimen dan 367 kawasan Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum kali ini.

Dr Mahathir berkata jika dicampur kesemua undi lawan, jumlahnya masih tidak dapat mengatasi jumlah undi yang diperolehi calon BN.

Mengulas mengenai tindakan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang meninggalkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung untuk bertanding di DUN Bukit Bendera, Dr Mahathir berkata Lim lari dari Tanjung kerana tidak mahu rakyat mengatakan bahawa beliau berniat melaksanakan Tanjung IV, projek DAP untuk menawan Pulau Pinang.

"Dia pergi ke Bukit Bendera mungkin kerana hendak naikkan bendera," katanya.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri berkata jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tetap akan diberikan kepada Gerakan.

"Kalau prestasi baik, kita tidak tukar kepimpinan negeri. Dahulu pun, ketika Gerakan mendapat kurang kerusi (berbanding Umno), kita tidak ambil jawatan Ketua Menteri," katanya.

Mengulas kenyataan Pesuruhjaya PAS Perlis Hashim Jasin bahawa anggota parti itu Prof Dr Harun Din tidak bertanding pada pilihan raya ini kerana tidak mahu Dr Mahathir mengeksploitasikan isu hutangnya jika beliau bertanding, Dr Mahathir berkata: "Yalah, kalau dia ada buat silap, kita akan dedahkan tetapi saya tidak simpan fail hutang dia.

"Saya bukan macam (bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri) Anwar simpan fail negara di luar negeri."

-- BERNAMA

JM MFJ NAK